

Rujuk sumber **JAS** sahaja

Purata bacaan IPU selama 24 jam tidak boleh dikait dengan jarak ketampakan

Seri Kembangan

Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak boleh dikaitkan dengan jarak ketampakan kerana ia adalah purata bacaan bagi tempoh 24 jam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, kerajaan sedia maklum mengenai persoalan orang awam berkaitan proses bacaan IPU dan menasihati masyarakat supaya merujuk bacaan rasmi yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.

“Penggunaan PM2.5 dalam pengiraan IPU adalah sejajar dengan piawaian antarabangsa dan diguna pakai di kebanyakan negara menjurus ke arah kelestarian alam sekitar

“Bacaan IPU yang disalurkan JAS menerusi Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS)



LANGIT kelihatan suram di sekitar Kampung Baru di ibu kota, semalam.

UPM guna sistem IPU ikut JAS

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) masih merujuk kepada sistem pengurusan Indeks Pencemaran Udara (IPU) Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai panduan untuk pelan tindakan jerebu dalam membuat justifikasi penangguhan kelas.

Selain itu, Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM, Prof Dr Azmawani Abd Rahman berkata, universiti itu turut berpandukan data cerapan (di UPM) mengikut aliran taburan masa sebagai analisis ramalan.

Menurutnya, universiti itu tidak mengeluarkan IPU menggantikan bacaan JAS seperti ditularkan di media sosial sebaliknya enam alat pencerapan IPU UPM ialah untuk kegunaan pendidikan dan penyelidikan di Fakulti Pengajian Alam Sekitar.

“UPM merujuk kepada arahan Kementerian Pendidikan dalam kenyataan media 18 September yang menyebut bahawa untuk IPT keputusan menangguhkan sesi kuliah terletak kepada keputusan pengurusan masing-masing.”

“Justeru, semua pihak diminta tidak menularkan data pemantauan penyelidikan UPM supaya tidak menimbulkan suasana panik kepada orang ramai,” katanya.

Menurut Azmawani lagi, bacaan IPU melebihi 350 seperti yang ditularkan dalam media sosial bukan nilai bagi menggambarkan status pencemaran udara.

Sebaliknya, ia nilai kepekatan PM2.5 ($\mu\text{g}/\text{m}^3$) dicerap menggunakan *air quality monitoring sensors* untuk kajian penyelidikan di universiti terbabit.



MAHASISWI memakai topeng mulut dan hidung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

adalah bacaan IPU rasmi negara dan data itu juga sudah disahkan sebelum dipamerkan kepada orang ramai,” katanya ketika ditemui media selepas merasmikan Kompleks Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing), di Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Beliau mengulas mengenai persoalan orang ramai mengenai ketepatan bacaan IPU disediakan kerajaan ekoran mendakwa ada kawasan dilihat mengalami jerebu teruk namun bacaan didapati masih rendah.

Selain itu, turut tular di media sosial mengenai bacaan IPU di UPM yang dikatakan melebihi 350 dan ia jauh berbeza dengan maklumat disediakan pihak JAS.